

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2014

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status proses merujuk konsultan atau juru audit untuk mengambil balik pengurusan AES. Berapakah jumlah ganti rugi atau pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan untuk mengambil alih AES tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, firma audit bertauliah yang

dilantik oleh Kerajaan telah mengemukakan laporan *due diligence* bagi tujuan pengambilalihan pemilikan dan operasi AES daripada dua syarikat pengendali AES. Laporan berkenaan digunakan sebagai asas rundingan Kerajaan dengan kedua-dua syarikat berkenaan. Pada masa ini, proses rundingan dengan kedua-dua syarikat pengendali AES masih lagi berjalan. Oleh itu, sebarang bentuk maklumat berkaitan termasuk bayaran ganti rugi atau pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Ini penting dipatuhi bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat dengan rundingan berkenaan. Selain itu, Kerajaan telah menzahirkan komitmen agar pengambilan alih pelaksanaan AES dilakukan secara teratur, berhemah dan berintegriti supaya syarikat tidak memperolehi keuntungan yang berlebihan di samping tidak membebankan kewangan Kerajaan. Untuk itu, amaun pampasan yang akan dibayar adalah berdasarkan kepada asas/kaedah penilaian yang munasabah mengikut prinsip *fair and reasonable value*.